



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA

Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur

YANG DI PERTUA:

DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH, CQS
DIMP, AMN, MRISM

PENDAFTAR:

Sr JAMISAH BINTI IBRAHIM, CQS
MRISM

SETIAUSAHA:

Sr Dr. WAN AZLINA BINTI HJ IBRAHIM, CQS
MRISM



(052) dlm. KKR/LJBM/678 Jld.10 – 22/03/.....¹²⁵
7 Mac 2022

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)
PROGRAM UKUR BAHAN**

Tuan/ Puan,

**MAKLUMAN PEMAKAIAN PENILAIAN PEMINDAHAN KREDIT MELALUI
ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING FOR CREDIT AWARD
(APEL.C) BAGI PROGRAM UKUR BAHAN**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah melancarkan pelaksanaan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL.C) pada 27 September 2016 sebagai kesinambungan usaha dan selaras dengan lonjakan ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

3. Selaras dengan usaha tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) ingin menarik perhatian Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang mengendalikan program ukur bahan yang diiktiraf oleh LJBM berkenaan pemakaian Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL.C) bagi **program ukur bahan berkuat kuasa bermula daripada tarikh surat ini.**

3. Menerusi APEL.C ini pelajar ukur bahan yang berdaftar di PPT di Malaysia layak memohon untuk memperoleh pindahan kredit berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu. Bersama-sama surat ini disertakan Garis Panduan Pemakaian Penilaian Pemindahan Kredit Melalui APEL.C Bagi Program Ukur Bahan untuk rujukan.

MS 1/2

PENDAFTARAN & TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Firma & Consultant QS: 603 - 26108140
- Professional QS & QS Technologist: 603 - 26108147
- Provisional QS: 603-26108147
- Teknologi Maklumat & Sistem ReQSys: 603-26108147

KOMUNIKASI KORPORAT & KEWANGAN

- Kewangan: 603-26108142
- Perolehan: 603-26107999
- Sumber Manusia: 603-26107809
- CPD: 603-26107809

PROFESSIONAL STANDARD

- Akreditasi: 603-26108147
- Peperiksaan & APC: 603-26107987
- Tatasusila/ Skala Fi & Amalan / Akta & Hubungan Antarabangsa: 603-26107803

(052) dlm. KKR/LJBM/678 Jld.10 – 22/03/2022...
7 Mac 2022


4. Sila ambil maklum bahawa panduan ini **perlu dibaca bersama** dengan Garis Panduan atau makluman yang dikeluarkan oleh MQA berkenaan APEL.C.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


Sr JAMISAH BINTI IBRAHIM, CQS
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
JI/eah/nmy

s.k. **En. Abdul Saman bin Taip**
Pengarah
Bahagian Akreditasi (Sains & Perubatan)
Agensi Kelayakan Malaysia
No. 3539, Jalan Teknorat 7, Cyber 5
63000 Cyberjaya, Selangor

GARIS PANDUAN PEMAKAIAN PENILAIAN PEMINDAHAN KREDIT MELALUI APEL.C BAGI PROGRAM UKUR BAHAN

MAJLIS AKREDITASI UKUR BAHAN
LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

JANUARI 2022

1. PENGENALAN

Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL.C) ialah kaedah penilaian ilmu yg diperoleh daripada pengalaman kerja, pengalaman hidup atau himpunan kursus pendek bagi tujuan mendapatkan pindahan kredit untuk kursus dalam program akademik di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT).

APEL.C mula dilaksanakan pada September 2016. Ia boleh dilaksanakan sendiri oleh PPT terhadap pelajarannya dengan syarat PPT tersebut telah mendapat kelulusan untuk mengendalikan APEL.C daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Bagi menjamin kualiti penilaian, PPT perlu melaksanakan APEL.C dengan bertunjangkan *Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award* yang telah melalui semakan kedua pada September 2020. Dokumen ini secara prinsipal, memberi rangkuman terhadap dasar pengendalian dan panduan pembinaan instrumen penilaian bagi pelaksanaan APEL.C oleh PPT yang menjalankan program akademik yang diiktiraf.

APEL.C terbuka kepada semua pelajar di PPT yang telah mendapat kelulusan menjalankan penilaian APEL.C, samada berstatus warganegara atau pelajar antarabangsa. APEL.C juga terbuka kepada semua pelajar tanpa mengambil kira kaedah kemasukan ke program pengajian, samada melalui laluan APEL(A) atau laluan konvensional.

Pelajar yang memohon APEL.C menerusi PPT akan dinilai bagi menentukan pindah kredit. Walau bagaimanapun bentuk penilaian adalah bergantung kepada kesesuaian bidang. Ia tidak semestinya peperiksaan. Kaedah penilaian boleh dilakukan dalam bentuk demonstrasi, temuduga, penilaian portfolio dan sebagainya.

Melalui APEL.C, penilaian pindah kredit maksimum yang dibenarkan adalah 30% dari jumlah kredit untuk bergraduasi. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan formal dan pengalaman terdahulu, penilaian pindah kredit boleh merangkumi laluan APEL.C dan pembelajaran formal. Sebagai contoh, pelajar yang mempunyai diploma dan pengalaman terdahulu melalui pekerjaan yang relevan, boleh mendapat pindah kredit maksimum 30% melalui APEL.C dan tambahan 30% lagi melalui pembelajaran formal. Bagi memastikan PPT mampu melaksanakan APEL.C dengan baik, hanya PPT yang memohon dan telah lulus penilaian MQA sahaja dibenarkan untuk menjalankan APEL.C.

Skop penilaian MQA terhadap kemampuan pelaksanaan APEL.C oleh PPT merangkumi dua aspek utama iaitu sistem pengurusan dan kemudahan di PPT serta keupayaan PPT dalam membina dan mengaplikasikan instrumen penilaian APEL.C. MQA akan memantau pelaksanaan APEL.C di PPT semasa lawatan akreditasi dan audit institusi. Setiap institusi perlu memohon APEL.C secara berasingan sekiranya mempunyai cawangan yang berbeza kepada MQA kerana mempunyai Senat masing-masing dalam membuat keputusan berkaitan akademik.

2. OBJEKTIF

Objektif penilaian pemindahan kredit melalui APEL.C adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Memungkinkan pelajar menghabiskan pengajian dalam tempoh yang lebih singkat;
- 2.1.2 Menggalakkan individu yang bekerja untuk kembali belajar;
- 2.1.3 Mengiktiraf pengalaman pembelajaran individu yang diperolehi di luar aliran formal;
- 2.1.4 Mengelakkan pembelajaran yang berulang;
- 2.1.5 Boleh mengurangkan kos pengajian pelajar;
- 2.1.6 Menjadikan sistem pendidikan tinggi kita lebih fleksibel dan setanding negara maju yang rata-ratanya telah mengiktiraf pembelajaran terdahulu;
- 2.1.7 Salah satu kaedah untuk mewujudkan budaya pembelajaran sepanjang hayat;
- 2.1.8 Mewujudkan masyarakat berilmu bagi tujuan meningkatkan ekonomi negara dan pembangunan sosial; dan
- 2.1.9 Menyumbang ke arah pembangunan modal insan negara melalui pengiktirafan pekerja berkemahiran.

3. MANFAAT APEL.C BAGI PROGRAM UKUR BAHAN

Manfaat pelaksanaan APEL.C dapat dilihat dari sudut manfaat kepada pelajar, institusi pendidikan, majikan dan negara.

Manfaat kepada Pelajar:

- i. Meningkatkan keyakinan diri dan menambahkan motivasi untuk menyambung pengajian;
- ii. Mendapat akses bagi penilaian pemindahan kredit;

- iii. Mendokumenkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta pengalaman dengan cara lebih baik menerusi penyediaan portfolio sebagai bukti;
- iv. Merancang untuk meneruskan pengajian dan pembangunan kerjaya peribadi;
- v. Memetakan pembelajaran terdahulu dengan MQF bagi mengenalpasti tahap pencapaian;
- vi. Membangunkan kemahiran analitikal serta kemahiran belajar melalui proses pengambilan APEL itu sendiri;
- vii. Meningkatkan mobiliti serta kebolehpasaran;
- viii. Mengurangkan masa serta kos.

Manfaat kepada Institusi Pendidikan:

- i. Meningkatkan akses dan meluaskan penyertaan para pelajar bukan konvensional;
- ii. Menyokong pembangunan kurikulum;
- iii. Memperkayakan pengalaman pengajaran dan pembelajaran dengan kehadiran pelajar bukan konvensional.

Manfaat kepada Majikan:

- i. Meningkatkan motivasi dan minat di tempat kerja oleh pekerja;
- ii. Mengurangkan masa untuk mendapatkan pindah kredit;
- iii. Menjana idea baharu di tempat kerja;
- iv. Meningkatkan pengekalan pekerja;
- v. Mengurangkan kos latihan dan kos pengambilan pekerja baharu.

Manfaat kepada Negara:

- i. Pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat bagi tujuan peningkatan tenaga kerja dan sejajar dengan k-ekonomi global;
- ii. Peningkatan produktiviti melalui perolehan kemahiran serta ilmu pengetahuan tenaga kerja;
- iii. Melonjakkan daya saing negara di peringkat serantau serta global.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

4.1 Kriteria Pelaksanaan

4.1.1 Adalah menjadi tanggungjawab PPT untuk memastikan proses penilaian permohonan pindah kredit melalui kaedah APEL.C dilaksanakan secara telus, adil dan berdasarkan bukti yang sahih. PPT bertanggung jawab mewujudkan kaedah pelaksanaan dengan merujuk kepada *Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award* yang merangkumi kaedah menilai permohonan calon, kaedah membina instrumen ujian cabaran (*challenge assessment*) beserta rubrik pemarkahan, skema jawapan dan kaedah pemilihan penilai. Dalam apa jua keadaan, aspek jaminan kualiti perlu sentiasa mendasari pelaksanaan oleh PPT sebagai prasyarat utama sebelum mempertimbangkan APEL.C.

4.1.2 PPT perlu memastikan kursus yang dianugerahkan APEL.C kepada pelajar:

- Mengandungi transkrip yang tertulis "CT (APEL)" bagi pindah kredit
- Kursus yang dipindah kredit tidak diambilkira dalam PNG/PNGK
- Jumlah kredit kursus yang dipindah menyumbang kepada jumlah kredit bergraduat
- Menyertakan dokumen iringan (Malaysian Qualification Statement (MQS))

4.1.3 Sekiranya pelajar gagal dalam penilaian APEL.C bagi kursus yang dipohon, pelajar perlu meneruskan kursus mengikut kelaziman yang biasa.

4.1.4 Adalah menjadi tanggungjawab PPT untuk menyimpan dokumen lengkap bagi pelajar yang dianugerahkan pindah kredit melalui APEL.C

4.1.5 Ringkasan proses penilaian APEL.C yang adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Ringkasan proses penilaian APEL.C

Bil	Ringkasan Proses Penilaian APEL.C	Penerangan
1	Syarat kemasukan	Menggunakan syarat kemasukan ke program diploma dan sarjana muda ukur bahan sediaada.
2	Individu yang layak memohon	Pelajar PPT yang mempunyai pengalaman kerja atau himpunan kursus pendek yang mempunyai elemen penilaian kompetensi dan diiktiraf. Warganegara Malaysia dan bukan warganegara.
3	Syarat pelaksanaan dan pengendalian APEL.C	Hanya PPT yang diluluskan oleh MQA boleh melaksanakan kemasukan APEL. PPT perlu memohon untuk melaksanakan APEL.C sekiranya belum pernah mendapat kelulusan daripada MQA.
4	Bentuk penilaian APEL.C	Berikut adalah kumpulan kursus berdasarkan manual akreditasi ukur bahan yang boleh dipohon untuk penilaian APEL.C bergantung kepada pengalaman pelajar: 1. <i>Quantities/Masurement</i> 2. <i>Construction Technology</i> 3. <i>Construction Economics</i> 4. <i>Construction Law and Contract</i> 5. <i>Professional Practice</i> 6. <i>Construction Management</i> 7. <i>Building Services</i> 8. <i>IT and computer</i> 9. <i>Analysis of prices/costing</i>

		Sekiranya terdapat kursus berkaitan yang tergolong dalam mana-mana kumpulan kursus di atas, boleh dimohon untuk penilaian APEL.C. Kursus wajib universiti, kursus dalam kategori disertasi dan projek TIDAK DIBENARKAN untuk dipindah kredit melalui penilaian APEL.C. Kaedah penilaian: 1. Portfolio (rujuk format di Lampiran 1) 2. Ujian Cabaran (<i>Challenge assessments</i>) PPT perlu melantik penyelaras APEL.C di peringkat program untuk menilai hasil portfolio atau <i>challenge assessments</i> pelajar. Cadangan carta alir proses kerja adalah seperti di Lampiran 2. Setiap <i>Course Learning Outcome (CLO)</i> kursus yang dinilai untuk pindah kredit perlu mencapai markah minimum 50%. Pelajar yang tidak memenuhi syarat minimum ini dikira gagal dan perlu mengambil kursus dan mengikuti kelas seperti biasa.
5	Had maksimum pindah kredit APEL.C	30% daripada jumlah kredit bergraduasi.

4.2 Tanggung jawab PPT berkenaan proses Permohonan Pemindahan Kredit APEL.C

- 4.2.1 PPT bertanggungjawab memastikan keseluruhan proses permohonan APEL.C dijalankan secara telus dan bertunjangkan *Guidelines to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award*.
- 4.2.2 Proses rayuan selepas keputusan gagal penilaian APEL.C dikeluarkan hanya melibatkan semakan semula keputusan tersebut dan bukan penghantaran semula bukti tambahan atau menduduki semula penilaian. Pelajar perlu mengikuti kursus tersebut sepertimana pelajar biasa jika gagal permohonan pemindahan kredit APEL.C.
- 4.2.3 Penetapan yuran APEL.C kepada pelajar adalah di bawah bidang kuasa PPT. Oleh itu, penetapan dan pindaan terhadap yuran tidak perlu dirujuk kepada MQA. APEL.C dibina bertunjangkan himpunan amalan-amalan baik daripada pelbagai badan jaminan kualiti di dalam dan luar negara, universiti terbuka dan lain-lain institusi berkaitan.
- 4.2.4 PPT perlu memperincikan kaedah kawalan jaminan kualiti bagi proses penilaian kemasukan pelajar melalui laluan APEL.C apabila mengemukakan dokumen akreditasi.

4.3 Pelaksanaan APEL.C oleh PPT

Pelaksanaan APEL.C tertakluk kepada kemampuan pelaksanaan APEL.C oleh PPT yang merangkumi dua aspek utama iaitu sistem pengurusan dan kemudahan di PPT serta keupayaan PPT dalam membina dan mengaplikasikan instrumen penilaian APEL.C.

Bagi memastikan PPT mampu melaksanakan APEL.C dengan baik, hanya PPT yang telah memperoleh kelulusan penilaian MQA sahaja dibenarkan untuk menjalankan APEL.C.

Nota:

Pelaksanaan APEL.C bagi program ukur bahan ini perlu dibaca bersama dengan dokumen rujukan berkaitan APEL.C yang dikeluarkan oleh MQA termasuk proses pindah kredit.

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN ANALISA PENGALAMAN UNTUK PORTFOLIO

Laporan Analisa Pengalaman (LAP) untuk tujuan portfolio disediakan untuk memaparkan pengalaman kerja pelajar dan pengetahuan professional di dalam bidang yang berkaitan dengan ukur bahan atau pembinaan yang pernah dilalui untuk permohonan APEL.C.

Untuk penyediaan LAP, pelajar haruslah mematuhi syarat-syarat di bawah :-

1. Pelajar perlu menyediakan dan menghantar LAP yang mengandungi bidang yang berkaitan dengan subjek yang dipohon Laporan berkenaan harus mengandungi tidak kurang daripada 3,000 patah perkataan dan tidak melebihi 4,000 patah perkataan (tidak termasuk Lampiran).
2. LAP harus diulas secara kritikal untuk bidang yang berkaitan dengan subjek yang dipohon termasuk senarai projek, aktiviti berkaitan dan apa yang berkaitan yang perlu dilampirkan untuk rujukan penilai.
3. Pelajar perlu mengemukakan penerangan tentang pengetahuan dan kefahaman tentang bidang yang diceburi untuk membolehkan pelajar diluluskan untuk permohonan APEL.C tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-
 - a) Jenis Pengalaman (Bidang kerja yang diceburi),
 - b) Tempoh Pengalaman,
 - c) Pihak yang terlibat atau berkaitan dalam memperoleh pengalaman tersebut. Pengesahan perlu dilakukan sekiranya terdapat hakcipta pihak tersebut,
 - d) Proses memperoleh pengalaman beserta hasil pengalaman yang diperolehi,
 - e) Sebarang kesukaran atau isu yang timbul beserta cara mengatasi, dan
 - f) Pelajaran yang diperolehi daripada pengalaman tersebut.
4. LAP harus disediakan secara kemas dan professional. LAP perlu dicetak secara "double spacing" di atas kertas A4 dan maksima A3 yang dilipat ke saiz A4. Cetakan perlu dilakukan pada satu muka sahaja dan muka belakang dibiarkan kosong.
5. LAP harus mengandungi senarai kandungan dengan muka surat bertanda beserta nota kaki yang berkaitan untuk tujuan rujukan dan penilaian.
6. Maklumat sulit TIDAK DIBENARKAN untuk dijadikan rujukan kepada LAP. Jika perlu, nama fiksyen harus digunakan. Segala petikan daripada rujukan bercetak tidak perlu ditaip semula sepenuhnya, memadai untuk dirujuk kepada bahagian yang berkaitan sahaja dan dilampirkan sebagai lampiran.
7. Kebenaran daripada pihak yang berkaitan perlu diperolehi sekiranya maklumat tersebut perlu dimasukkan ke dalam LAP.
8. LAP perlu disediakan oleh pelajar dan tidak boleh memplagiat dari mana-mana penulisan atau penerbitan.

LAMPIRAN 2: CARTA ALIR PROSES KERJA APEL.C

